

Polis rampas syabu, 8,500 pil ekstasi bernilai RM355,000

Sorok dadah dalam beg

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Polis berjaya membongkar aktiviti pengedaran dadah bernilai RM355,000 selepas menahan dua lelaki dalam serbuan di kawasan Flat Teluk Indah, Perai, di sini pada Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, menerusi tugas 'Snap Check' kira-kira pukul 10.30 malam itu, pihaknya telah menahan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Perodua Alza yang dinaiki tiga lelaki selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan.

"Ketika polis meminta lesen memandu dan kad pengenalan pemandu serta penumpang, seorang penum-

pang hadapan yang tidak dikenal pasti identitinya tiba-tiba telah melarikan diri.

"Bagaimanapun, pemandu MPV itu dikenal pasti sebagai warga tempatan berusia 32 tahun manakala penumpang belakang adalah warga Indonesia berusia 42 tahun tanpa dokumen pengenalan diri dan pasport," katanya di sini semalam.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui dua kilogram (kg) dadah disyaki syabu dianggarkan bernilai RM100,000 dan 8,500 pil ekstasi bernilai RM255,000 di dalam beg galas yang dibawa lelaki Indonesia itu.

"Di dalam beg tersebut terdapat dua bungkusan plastik warna hijau yang mengandungi syabu seberat kira-kira 2kg dan sehelai baju.

"Turut ditemui dua bung-



SYABU dan pil ekstasi yang ditemui di dalam sebuah beg galas susulan penahanan dua lelaki di kawasan Flat Teluk Indah, Seberang Perai Sabtu lalu.

kusan lutsinar mengandungi 2,000 pil berwarna hijau, tiga bungkusan mengandungi 1,500 biji pil berwarna biru, lima bungkusan mengandungi 4,500 pil berwarna merah jambu dan satu bungkusan mengandungi 500 biji pil berwarna merah jambu," ujarnya.

Tambah beliau, hasil siasatan pihak polis mendapati suspek warga tempatan yang

bekerja sebagai pemandu lori dan mempunyai satu rekod lampau berkaitan dadah itu negatif ujian saringan air kencing manakala lelaki Indonesia didapati positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

Suspek direman selama enam hari untuk disiasat mengikut Seksyen 39B dan 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



NIK ROS AZHAN